



**KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM
ENCOURAGEMENT
(UTMER 2022)
(SEKSYEN: PENGURUSAN PROJEK)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 27 OGOS 2022

Muka surat 1 Daripada 6

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	Objektif	Geran ini diwujudkan bertujuan: <ol style="list-style-type: none">1. Untuk memberi galakkan kepada penyelidik baharu untuk menjalankan penyelidikan;2. Untuk meningkatkan bilangan penyelidik utama dan menyumbang kepada KPI Universiti Penyelidikan;3. Untuk memperkasakan penyelidikan sedia ada yang boleh memberi sumbangan kepada pembangunan negara.
2.	Syarat Permohonan	<ol style="list-style-type: none">1. Staf Akademik MESTILAH bukan staf yang disenarai hitam oleh universiti;2. Staf Akademik TIDAK mempunyai geran aktif pada tahun semasa;3. Perkhidmatan sebagai staf akademik TETAP kurang dari 3 tahun;4. Telah menyelesaikan dan menghantar laporan akhir bagi projek yang telah tamat;5. Ketua Penyelidik warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama;6. Bagi Ketua Penyelidik bukan warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama;7. Setiap projek mesti terdiri daripada Ketua Penyelidik dan sekurang-kurangnya satu (1) staf akademik UTM daripada bidang penyelidikan yang berkaitan;8. Staf akademik yang bercuti belajar/ cuti sabbatical / cuti latihan ikhtisas tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik tetapi dibenarkan menjadi ahli projek;9. Seorang staf akademik hanya boleh mengemukakan satu permohonan geran penyelidikan UTMER dalam satu masa;10. Pemohon perlu memuatnaik kertas cadangan (proposal) dalam akaun (class) Turnitin yang disediakan dan laporan yang telah dijana perlu dilampirkan dalam sistem RADIS semasa penghantaran permohonan;11. Permohonan yang tidak lengkap dan dihantar selepas tarikh tamat permohonan adalah ditolak dan tidak akan dipertimbangkan;12. Penyelidikan hanya boleh dijalankan dalam Malaysia sahaja.
3.	Kriteria Permohonan	Setiap proposal hendaklah memenuhi salah satu (9) Signature Research UTM : <ol style="list-style-type: none">1) Biomedical and Healthcare Engineering2) Natural Product, Biorefinery and Biotechnology3) Sustainable and Resilient Urbanisation4) Smart Mobility5) Next Generation Systems and Networks6) Smart Living and Sustainable Cities7) Energy Security8) Water Security9) Smart Manufacturing and Materials
4.	Tempoh Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none">• Tempoh pelaksanaan projek adalah selama dua (2) tahun.• Pelanjutan tempoh tidak dibenarkan.



**KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM
ENCOURAGEMENT
(UTMER 2022)
(SEKSYEN: PENGURUSAN PROJEK)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 27 OGOS 2022

Muka surat 2 Daripada 6

BIL	PERKARA	KETERANGAN
5.	Siling Peruntukan	<ul style="list-style-type: none">Jumlah siling maksimum bagi setiap permohonan geran adalah RM 60,000.00 bagi setiap projek
6.	Peraturan Kewangan	<p>Perbelanjaan projek yang terlibat/berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. setiap penyelidik perlu mematuhi prosedur semasa perolehan universiti bagi setiap perbelanjaan seperti berikut:</p> <p>V11000 (upah/gaji/elaun)</p> <ul style="list-style-type: none">Elaun pembantu penyelidik – SLPP GRAKadar elaun:<ul style="list-style-type: none">Master : RM 1,800 - RM 2,000PhD : RM 2,300 - RM 2,500 <p>V21000 (perjalanan & pengangkutan)</p> <ul style="list-style-type: none">Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan domestik dan sara hidup yang berkaitan dengan projek dalam satu tempoh yang tertentu semasa menjalankan kajian/kerja lapangan.Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan, pengangkutan dan sara hidup mestilah tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan projek.Perjalanan ke luar negara dibenarkan hanya sekali sahaja tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah (GRA) hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja menggunakan peruntukan geran ini.Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan adalah bagi menghadiri persidangan untuk membentangkan kertas kerja penuh secara lisan yang akan menerbitkan artikel penuh terindeks SCOPUS atau WoS sahaja. <p>V24000 (sewaan / perhubungan dan utiliti)</p> <ul style="list-style-type: none">Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. <p>V27000 (bekalan & bahan penyelidikan)</p> <ul style="list-style-type: none">Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. <p>V28000 (penyelenggaraan dan ubah suai)</p> <ul style="list-style-type: none">Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.



**KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM
ENCOURAGEMENT
(UTMER 2022)
(SEKSYEN: PENGURUSAN PROJEK)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 27 OGOS 2022

Muka surat 3 Daripada 6

BIL	PERKARA	KETERANGAN
		<p>V29000 (perkhidmatan ikhtisas)</p> <ul style="list-style-type: none">• Meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.• Pembayaran honorarium kepada ketua projek atau penyelidik bersama tidak dibenarkan.• Pembentangan secara maya bagi persidangan luar negara terhad kepada seorang GRA sahaja jika terdapat keperluan. <p>V35000 (peralatan dan aksesori)</p> <ul style="list-style-type: none">• Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan• Jumlah yang dipohon bagi vot ini tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan projek.• Peruntukan bagi pembelian laptop/komputer mestilah tidak melebihi RM 5,000 <p>Kawalan Peruntukan:</p> <ul style="list-style-type: none">• Tidak dibenarkan membuat pindaan keluar daripada vot 11000• Tidak dibenarkan membuat pindaan masuk ke dalam vot 21000 kecuali bagi tujuan pengumpulan data sepertimana Kertas Cadangan Asal bersama justifikasi yang kukuh• Semua jenis pembelian melalui pesanan rasmi (PO) perlu dibuat sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh tamat dan tuntutan perlu dilakukan sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan.• Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh projek tidak akan dipertimbangkan.



**KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM
ENCOURAGEMENT
(UTMER 2022)
(SEKSYEN: PENGURUSAN PROJEK)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 27 OGOS 2022

Muka surat 4 Daripada 6

BIL	PERKARA	KETERANGAN
7.	Output Penyelidikan	<p>Output penyelidikan projek adalah:</p> <p>PENERBITAN :</p> <ul style="list-style-type: none">• Satu (1) penerbitan berindeks dalam WoS Q1- Q4 DAN satu (1) <i>Scopus Proceeding</i>• Penghargaan kepada geran penyelidikan UTMER, UTM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan. Format adalah seperti berikut: Universiti Teknologi Malaysia, UTMER, serta no rujukan geran/no. cost center• Penghargaan bagi setiap penerbitan hanya terhad kepada 2 geran penyelidikan sahaja. <p>MODAL INSAN :</p> <ul style="list-style-type: none">• Mendaftar SATU (1) Sarjana mod penyelidikan; atau• Mendaftar SATU (1) PhD mod penyelidikan <p><i>* Minimum lantikan ialah 6 bulan</i></p> <p>GERAN LUAR:</p> <ul style="list-style-type: none">• Setiap Ketua Projek yang berjaya menerima geran UTMER adalah WAJIB memohon geran daripada agensi/institusi di luar UTM. Permohonan perlulah melalui proses semakan/penilaian/sokongan di peringkat RMC/RA melainkan tiada keperluan.• Setiap rekod permohonan geran luar perlu dimaklumkan kepada pihak Unit Pemantauan RMC/muat naik proposal yang dihantar dalam modul Progress Report di RADIS.• Kegagalan berbuat demikian akan memberi kesan kepada penyaluran dana bagi tahun berikutnya.
8.	Proses Permohonan	Permohonan bagi geran penyelidikan UTMER mestilah diisi secara atas talian di https://radis.utm.my
9.	Penilaian Proposal	Permohonan akan disemak dan dinilai oleh panel yang dilantik di peringkat Pejabat <i>Research Alliance</i> berdasarkan bidang kepakaran yang bersesuaian dengan <i>niche proposal</i> .
10.	Keputusan	<ul style="list-style-type: none">• Keputusan penilaian dan pemilihan proposal akan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP).• Keputusan yang diumumkan adalah MUKTAMAD.



**KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM
ENCOURAGEMENT
(UTMER 2022)
(SEKSYEN: PENGURUSAN PROJEK)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 27 OGOS 2022

Muka surat 5 Daripada 6

BIL	PERKARA	KETERANGAN
11.	Pemantauan Projek	<ul style="list-style-type: none">• Pemantauan Geran Penyelidikan UTMER dijalankan sebanyak 2 kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember setiap tahun.• Setiap projek penyelidikan yang diluluskan diwajibkan menghadiri Bengkel Pemantauan Geran Penyelidikan UTMER sekiranya perlu bagi tujuan menilai pencapaian geran yang telah diluluskan. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek prestasi projek dan prestasi perbelanjaan.• Peruntukan geran yang telah diluluskan akan diagihkan mengikut tahun selepas geran penyelidikan di aktifkan• Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">(a) Prestasi projek; dan(b) Prestasi kewangan; dan(c) Pencapaian permohonan geran luar• Berdasarkan hasil pemantauan dan dengan kelulusan JKPGP, projek akan:<ul style="list-style-type: none">(a) SUSPENDED<ul style="list-style-type: none">- Jika tidak menghantar laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan- Jika tiada permohonan geran luar dalam tempoh 12 bulan pertama(b) TERMINATED<ul style="list-style-type: none">- Jika tiada aktiviti atau perbelanjaan dibuat dalam tempoh 3 bulan geran AKTIF selepas dua (2) kali peringatan diberikan
12.	Penutupan/ Penamatan Geran	<ul style="list-style-type: none">• Ketua Projek bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tarikh tamat geran penyelidikan.• Semua penyelidik perlu menghantar fail <i>Online Claim</i> selepas projek tamat ke Seksyen Kewangan RMC untuk tujuan pengesahan dokumen.• Aset Penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diselia oleh Ketua Projek apabila geran telah tamat. Permohonan Pindah Hak Milik / Pelupusan aset penyelidikan tersebut boleh dimajukan ke Seksyen Kewangan RMC.• Kegagalan menghantar fail <i>Online Claim</i> dan laporan akhir boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna & memberi kesan kepada permohonan dan pendaftaran projek penyelidikan yang akan datang.• Ketua Projek boleh disenarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar.



**KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN UTM
ENCOURAGEMENT
(UTMER 2022)
(SEKSYEN: PENGURUSAN PROJEK)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 27 OGOS 2022

Muka surat 6 Daripada 6

Carta alir permohonan Geran Penyelidikan UTMER

Staf Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses kerja
		Mula
KP		Menghantar permohonan geran penyelidikan UTMER melalui RADIS
Panel Khas		Menjalankan proses <i>Technical Knockout</i> (TKO)
RA		Mengenalpasti panel pakar bidang
RA		Menganjurkan sesi penilaian/pembentangan proposal
Panel		Menilai proposal
Pengarah RMC		Membentangkan keputusan akhir kepada ahli JKPGP
RMC		Mengumumkan keputusan
PT / RM		Memberi khidmat nasihat pendaftaran geran dan mengaktifkan geran
		Tamat